

**UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN  
YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HAJI MD SAM  
DIALOG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
(EAIC)  
BERSAMA  
AGENSI PENGUATKUASAAN  
SELIAAN ZON PANTAI TIMUR  
28 SEPTEMBER 2015  
DUYONG MARINA & RESORT, TERENGGANU**

---

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.

YANG DIHORMATI SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA KETUA-KETUA PENGARAH, PEGAWAI-PEGAWAI PENGUAT KUASA DAN SEMUA WARGA KERJA AGENSI PENGUATKUASAAN ZON WILAYAH SELATAN.

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN ATAU *ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION* (EAIC) SERTA WARGA KERJA EAIC, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA HARI INI.

1. Syukur ke hadrat Allah s.w.t., dengan izin dan limpah kurnia Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam program Dialog EAIC bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan seliaan EAIC bagi

Zon Pantai Timur yang merangkumi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ini adalah merupakan kali kedua dialog serupa ini diadakan bagi Zon Pantai Timur ini selepas kali pertama diadakan pada 26 September 2013 bertempat di Kuantan yang dihadiri oleh seramai 120 orang peserta. Saya percaya terdapat sebahagian daripada tuan-tuan dan puan-puan di sini yang telah pernah menyertai dialog pertama tersebut dan mendapat maklumat-maklumat berfaedah berkaitan EAIC.

2. Bagi pihak EAIC, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua peserta serta merakamkan setinggi ucapan penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan, kerana dapat meluangkan masa bagi memenuhi jemputan kami.
3. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, antara objektif utama sesi dialog ini adalah:
  - a) untuk menerangkan dengan lebih jelas dan memberikan maklumat terkini mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]; dan
  - b) membincang dan bertukar buah fikiran mengenai usaha dan kerjasama semua pihak dalam menangani dan membentaras salah laku (misconduct) di kalangan pegawai penguat kuasa/ agensi penguatkuasaan serta meningkatkan integriti dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang;

c) bagi mendapatkan “in-put” langsung dari wakil-wakil agensi yang menyertai dialog ini berkaitan isu-isu penguatkuasaan dan tahap kesediaan pematuhan peraturan-peraturan agensi terlibat, i.e. undang-undang, perintah tetap, SOP dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Sebagai mana yang kita sedia maklum, salah satu fungsi utama penubuhan EAIC adalah untuk menerima dan membuat siasatan ke atas aduan daripada orang ramai berkaitan salah laku (misconduct) pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan yang disenaraikan di bawah Jadual Akta 700 dan seterusnya membuat syor-syor yang perlu berhubung dengannya. Setakat ini Jadual kepada Akta 700 menyenaraikan 21 agensi penguatkuasaan sebagai tertakluk kepada kuatkuasa Akta 700 tersebut.
5. Di bawah seksyen 48 Akta 700, EAIC bertanggungjawab mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen mengenai semua tindakan dan aktiviti yang telah diambil oleh EAIC terhadap aduan salah laku yang diterima. Seksyen 30 Akta 700 pula memperuntukkan kuasa EAIC untuk membuat sesuatu syor atau perakuan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib agensi terlibat tentang jenis hukuman yang patut dikenakan terhadap pegawai penguat kuasa berdasarkan siasatan yang dijalankan, jika kesalahan atau

pelanggaran tatacara penguatkuasaan disahkan sebagai telah dilakukan oleh pegawai penguat kuasa yang disiasat itu. EAIC turut diberikan mandat bagi merumuskan perundangan, mengesyorkan penambahbaikan tatacara dan prosedur pentadbiran sesuatu agensi penguatkuasaan dalam memperkukuhkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.

6. Secara ringkasnya, EAIC berfungsi sebagai sebuah badan bebas yang mempunyai kuasa-kuasa statutori bagi menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pegawai penguat kuasa serta agensi penguatkuasaan berkaitan dengan aduan-aduan salah laku (misconduct).
7. Dalam menjalankan tanggung jawab ini, saya ingin menegaskan bahawa peranan EAIC bukanlah untuk mencari kesalahan atau membuka aib mana-mana pegawai penguat kuasa. Akan tetapi, EAIC adalah merupakan medium untuk membantu agensi penguatkuasaan dalam pemantapan integriti sekali gus memperbaiki persepsi negatif rakyat terhadap agensi penguatkuasaan serta meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti perkhidmatan yang disediakan.
8. Kewujudan EAIC yang mula beroperasi pada 1 April 2011, telah membuka satu saluran alternatif yang lebih efektif kepada orang ramai untuk membuat pengaduan yang berkaitan dengan salah laku pegawai dan agensi penguatkuasaan, selain daripada saluran

yang sedia ada seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) yang menguruskan aduan dan siasatan berkaitan kes-kes rasuah atau Biro Pengaduan Awam (BPA) bagi aduan-aduan berkaitan pentadbiran harian jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kuasa-kuasa statutori yang diberikan kepada EAIC bagi membuat siasatan salah laku termasuk melaksanakan pendengaran awam (public hearing) ke atas kes-kes yang mempunyai signifikan kepentingan awam, dengan ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan melapor kepada Parlimen dan bertanggungjawab menjaga obligasi kerahsiaan maklumat yang dizahirkan kepada EAIC adalah di antara ciri-ciri utama yang diperuntukkan dalam memenuhi hasrat orang ramai atau rakyat untuk melihat EAIC berperanan sebagai sebuah badan bebas yang efektif dan meyakinkan.

Sidang hadirin sekalian,

9. Salah satu isu yang mempunyai signifikan kepentingan awam adalah kes-kes yang melibatkan kematian orang tahanan atau orang tangkapan semasa dalam tahanan atau lokap polis. Terdapat lima kes sedemikian yang telah menjadi perhatian EAIC, satu di Pulau Pinang yang telah selesai siasatan dan dapatan siasatan diumumkan kepada orang ramai, dua kes di Kuala Lumpur, satu di Negeri Sembilan dan satu di Johor.
10. Baru-baru ini, EAIC telah mengadakan satu pendengaran awam (public hearing) siasatan kes kematian simati bernama N.

Dharmendran a/l Narayasamy semasa lokap polis Bahagian D9, IPK Kuala Lumpur (simati). Laporan post mortem dan keterangan doktor pakar perubatan forensic/forensic medicine specialist (pathologist) mengesahkan simati tersebut mengalami 52 jenis kecederaan luaran pada tubuh badan. Doktor pakar tersebut mengatakan di antara lain yang boleh saya petik “ *A lot of injuries and blood losing from the blood vessel causing of less oxygen and hearth failure...the injuries were caused in the last 3-4 days*”. Sebab kematian adalah “*the cause of death was due to diffuse soft tissue injuries due to multiple blunt force of trauma*”. Simati berumur 31 tahun, berada di bawah tahanan polis selama 8 hari sejak 13.5.2013 dan meninggal dunia di lokap polis pada 21.5.2015, iaitu pada hari terakhir sambung remand beliau tamat tetapi ditangkap semula oleh pasukan soalsiasat yang sama pada hari tersebut dikatakan untuk satu kes yang lain. Siasatan oleh EAIC adalah untuk menentukan samada terdapat salah laku pelanggaran atau pemecahan undang-undang dan tatacara perintah tetap KPN/OCPD dan SOP berkaitan pengurusan lokap dan pengendalian orang tahanan oleh pihak polis terlibat. Setakat tarikh 19.9.2015 seramai 47 saksi telah selesai memberi keterangan dalam tiga prosiding dan prosiding pendengaran awam akan disambung pada bulan Oktober 2015 ini yang akan melibatkan lebih kurang 21 saksi lagi. Seksyen 35 Akta 700 menghendaki pendengaran awam tersebut terbuka kepada orang ramai. Terdapat peguamcara-peguamcara yang hadir bagi mewakili keluarga simati, Majlis Peguam Malaysia, PDRM dan Kementerian Dalam Negeri dan mengambil bahagian dalam prosiding yang dipengerusikan oleh Persuruhjaya-Pesuruhjaya EAIC.

11. Pihak media dan orang awam telah didedahkan bagaimana proses siasatan dilakukan menerusi pendegaran awam ini. Saksi-saksi diperiksa dengan telus dan terperinci oleh pegawai dan Pesuruhjaya EAIC yang berpengalaman dan berkelayakan penuh dengan dibantu oleh tiga juruperunding yang dilantik oleh EAIC dan peguamcara yang mewakili pihak-pihak berkepentingan diberi kebenaran menyoal saksi-saksi. Tatacara pemeriksaan yang telus (transparent) tersebut adalah elemen penting bagi sesuatu siasatan bagi mengelakkan sebarang persepsi salah orang awam khasnya pihak keluarga simati dari mengatakan terdapatnya elemen berat sebelah atau “suppression or withholding of material evidence”. Dapatan dan laporan penuh siasatan nanti akan diumumkan kepada orang ramai selari dengan kehendak seksyen 30(5) Akta 700.
  
12. Satu lagi siasatan yang telah diselesaikan oleh EAIC adalah berkaitan dengan pengaduan awam oleh ahli-ahli persatuan nelayan serta nelayan pantai berkaitan pencerobohan bot-bot pukot tunda “Kenka” di Kuala Kurau, Perak. Pengadu-pengadu melalui 86 aduan sejak tahun 2009 hingga 2013 yang dikemukakan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan, mendakwa tidak terdapat penguatkuasaan atau tindakan efektif diambil bagi menghentikan penceroboh bot-bot pukot tunda “Kenka” tersebut yang melakukan operasi menangkap ikan dalam lingkungan 5 batu nautika dari pantai sedangkan lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan kepada operator bot pukot “Kenka” adalah bagi tangkapan ikan

diluar dari kawasan 5 batu nautical. Kaedah pukot “Kenka” yang diikatkan kepada dua buah bot yang berjalan/bergerak secara selari yang membuatkan pukot “Kenka” tersebut diheret hingga mencecah dasar laut dan ditarik naik ke atas telah menyebabkan kerosakan eco-sistem hidupan laut dalam mana bukan sahaja ikan dan anak ikan dikaut ke dalam pukot tetapi juga hidupan laut yang lain seperti anak undang. Pencerobohan tersebut telah mengganggu operasi harian nelayan pantai yang hanya menangkap ikan dalam lingkungan 5 batu nautical dari pantai dan sekali gus juga telah menjejaskan hasil pendapatan atau pencarian rezeki nelayan pantai. Siasatan EAIC oleh itu adalah terhadap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan. Siasatan aduan ini telah selesai dengan dapatan-dapatan dan syor-syor oleh EAIC yang akan dikemukakan kepada agensi berkaitan dan satu pendedahan awam (public disclosure) akan dibuat ke atasnya.

13. Perkara ini menunjukkan bukti bahawa EAIC adalah sentiasa telus dalam melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan. Setiap tindakan yang diambil adalah untuk dimanfaatkan secara bersama khususnya di dalam pemantapan dan penghayatan integriti yang berterusan di kalangan pegawai penguat kuasa.
14. Sejak EAIC ditubuhkan pada 1 April 2011 hingga tarikh 21 September 2015, sejumlah 1183 aduan telah diterima oleh EAIC. Dari jumlah itu, 18 pada tahun 2011, 357 pada tahun 2012, 306



pada tahun 2013, 312 pada tahun 2014, manakala bagi tahun 2015 setakat 21.9.2015 sejumlah 190 aduan. EAIC telah membuat 14 keputusan terhadap aduan salah laku pada tahun 2011, 357 aduan pada tahun 2012 dan 306 aduan pada tahun 2013. Pada 2014 pula, EAIC telah membuat keputusan terhadap 71 aduan daripada 312 aduan yang diterima. Kemerosotan jumlah keputusan bagi tahun 2014 boleh mudah difahami disebabkan mulai 1 April 2014 hingga 15 Oktober 2014 ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC telah habis tempoh lantikan dan hanya dibuat lantikan pada 15 Oktober 2015. Saya percaya butiran lanjut berkaitan statistik aduan dan penyelesaian siasatan akan dapat diketahui dengan lebih terperinci dalam sesi taklimat oleh pegawai EAIC yang akan diadakan sebentar lagi.

Sidang hadirin yang dihormati,

15. Kebelakangan ini terdapat insiden-insiden atau kes-kes yang mendapat perhatian umum, baik di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. EAIC sentiasa peka dan memantau semua isu-isu yang melibatkan soal integriti khususnya yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC. EAIC mengambil pendirian secara pendekatan muhibbah dengan mengadakan mesyuarat atau perjumpaan dengan agensi-agensi terlibat dalam mana EAIC memberikan reaksi dan pemerhatian EAIC terhadap isu-isu berbangkit. Pendekatan ini telah dilaksanakan oleh EAIC dalam isu berkaitan siasatan pihak polis yang melibatkan pegawai SPRM dan Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Pesuruhjaya-

Pesuruhjaya EAIC telah berjumpa secara langsung dengan kepimpinan tertinggi agensi-agensi terlibat (SPRM, Bank Negara Malaysia dan PDRM) secara berasingan bagi mengetahui fakta latar belakang perkara dan isu yang berbangkit dan EAIC memberikan pandangan secara langsung kepada kepimpinan tertinggi agensi terhadap perkara-perkara berbangkit. Apa yang penting, EAIC ingin melihat dan memastikan agensi mematuhi SOP yang terdapat berkaitan sesuatu aktiviti siasatan dan penguatkuasaan undang-undang.

16. Sebelum ini, kita didedahkan dengan berita berkenaan penahanan dan tangkapan pegawai-pegawai penguat kuasa berkaitan aktiviti penyeludupan diesel di sempadan negara, pengeluaran lesen memandu “terbang” dan salah laku yang melibatkan perolehan aset jabatan dan isu pemerdagangan manusia ditambah pula dengan kebanjiran warga asing yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti negara jika tidak diuruskan dengan teliti dan sempurna. Pada akhir tahun 2014 pula, negara dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang berlaku di tanah tinggi Cameron Highlands, Pahang yang melibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda yang besar jumlah jumlahnya. Peristiwa malang itu berlaku akibat daripada kegagalan pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap aktiviti pertanian dan pembukaan tanah secara haram yang berleluasa di tanah tinggi tersebut. Kelonggaran penguatkuasaan dan ketiadaan kerjasama di antara agensi penguatkuasaan telah diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab itu. Terdapat juga kes baru-baru ini di mana

dikatakan seorang anggota penguat kuasa sanggup membuat ugutan jenayah ke atas Timbalan Pendakwa Raya hanya kerana TPR tersebut enggan memberi “kerjasama” kepada anggota penguat kuasa bagi melepaskan barangan sitaan.

17. Deretan contoh insiden dan kes yang disebutkan tadi adalah manifestasi ke atas kelonggaran memahami dan menghayati budaya integriti di dalam tugas. Akhirnya pelbagai permasalahan yang timbul dan menjejaskan imej serta reputasi perkhidmatan awam. Integriti adalah aspek yang paling utama harus ditanam di dalam setiap daripada kita agar setiap tindakan berada pada landasannya. Kredibiliti agensi penguatkuasaan dan keyakinan masyarakat perlu dikembalikan dan dibina semula melalui usaha-usaha pemulihan dan pemantapan integriti secara berterusan ke atas setiap lapisan pegawai penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Suka diingatkan, adalah mustahak untuk setiap ketua jabatan atau pihak berkuasa memastikan pegawai penguat kuasa sentiasa terikat dengan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) yang memperuntukkan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan atau boleh dilakukan oleh seseorang penjawat awam, untuk difahami, dihayati dan

diamalkan sebaik-baiknya. Ini adalah langkah asas dalam membina dan memperkasakan kredibiliti dan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa. Jemaah Menteri juga memberi perhatian berat dalam isu tata tertib pegawai awam. Pada 1 Julai 2015, Jemaah Menteri di antara lain telah membuat keputusan dengan mengeluarkan arahan supaya Pihak Berkuasa Tata tertib (PBT) agensi penguatkuasaan hendaklah mengemukakan hasil dapatan siasatan prosiding tata tertib kepada EAIC dan bagi tujuan itu satu Arahan Pekeliling dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara.

19. Hasrat EAIC dalam memastikan kemantapan dan pemeraksanaan kredibiliti dan integriti pegawai penguat kuasa bukanlah hanya sekadar melepaskan batuk di tangga semata-mata. Kerajaan sentiasa mengiktiraf peranan EAIC dalam usaha kawalselia dan mengukuhkan integriti agensi penguatkuasaan khususnya di kalangan pegawai penguat kuasa. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, EAIC bersama SPRM telah dinamakan sebagai dua agensi yang akan disandarkan dan diperkukuhkan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Usaha juga sedang dilakukan bagi beberapa pindaan penting dibuat kepada Akta 700 untuk memperkukuhkan lagi peranan EAIC. Oleh itu, EAIC amat mengharapkan agar usaha ini mendapat sokongan padu daripada agensi-agensi penguatkuasaan untuk lebih kreatif dalam usaha mempertingkatkan serta memantapkan jiwa integriti di kalangan pegawai penguat kuasa masing-masing. Mengadakan atau menghantar pegawai penguat kuasa untuk menghadiri kursus atau “refresher course” dan seminar yang bersesuaian, di antara lainnya, adalah antara mekanisme yang boleh dipraktikkan.

Daripada aspek psikologinya pula, ini adalah merupakan antara kaedah memotivasikan dan penghargaan majikan kepada pekerjaanya. Ini dapat menyuburkan dan membaik pulih semangat bekerja yang berkualiti serta produktif di kalangan pegawai penguat kuasa khususnya.

20. Sehubungan itu, EAIC bertekad dan beriltizam untuk terus meneraju transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan di Malaysia yang berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik (best practices). Setiap siasatan dan tambah baik yang disarankan kepada setiap agensi di bawah seliaan EAIC akan dilaksanakan berlandaskan pengendalian aduan dan siasatan secara telus, tidak berpihak dan professional.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

21. Di kesempatan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih akan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua pada hari ini. Besarlah harapan saya agar sesi dialog ini dapat kita manfaatkan bersama menerusi sesi interaktif sama ada bertukar pandangan, mengutarakan aduan mahu pun soalan, komen serta cadangan yang membina khusus berkenaan aspek integriti di kalangan

agensi penguatkuasaan sebagai usaha memartabatkan mutu perkhidmatan yang sedia ada.

22. Selaku ahli panel bagi sesi dialog, kami bersedia memberi respon, maklum balas dan mengambil tindakan susulan berdasarkan isu-isu yang dikemukakan. Saya bagi pihak EAIC, sekali lagi merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan program ini. Diharapkan jalinan kerja sama dan hubungan yang terbina pada hari ini akan terus subur pada masa akan datang di dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan yang terbaik.
23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Sesi Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Seliaan bagi Zon Pantai Timur.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatulahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Bertarikh : 28 September 2015.